

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 12 JUN 2014 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	NASA ramal fasa penuh El Nino	Harian Metro
2	Cuaca 'baik' pada bulan puasa	Utusan Malaysia
3	Permintaan biogas di Malaysia masih rendah	Berita Harian
4	El Nino, a game change for water?	New Straits Times
5	Program dirangka tarik minat pelajar pilih aliran STEM	Berita Harian
6	ExxonMobil terus sokong sains, matematik	Utusan Malaysia
7	Pendedahan untuk tarik minat pelajar pada STEM akan digiatkan – Idris Jusoh	Bernamea.com
8	Fokus pada sains untuk bantu Malaysia capai status Negara maju - Mahathir	Bernamea.com
9	Parlimen : SOP diwujudkan untuk pastikan kualiti Netbook 1 Malaysia - Kamalanathan	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 12 JUN 2014 (KHAMIS)

Kuala Lumpur: Agensi Angkasa Lepas Amerika Syarikat (NASA) meramalkan fasa penuh El Nino akan dirasakan seluruh dunia pada November hingga Disember depan berdasarkan model ENSO (El-Nino Ayunan Selatan).

Laman web rasmi agensi itu mencatatkan bacaan melebihi purata suhu permukaan laut (SST) berkembang di Lautan Pasifik Khatulistiwa dan fenomena itu direkodkan pada bulan lalu.

NASA menjangkakan ba-

NASA ramal fasa penuh El Nino

hawa peluang El Nino untuk berlaku menjelang musim panas (Jun-Ogos) di Hemisfera Utara adalah 70 peratus dan angka itu akan meningkat kepada 80 peratus semasa musim luruh serta musim sejuk.

Laman web itu turut memaklumkan bahawa agensi itu merekodkan peningkatan suhu paras purata SST di Lautan Pasifik pada Mac lalu berbanding bacaan pada Ja-

nuari dan Februari lalu yang mencatatkan bacaan normal.

Pensyarah Jabatan Geografi Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaysia (UM) Prof Datuk Dr Azizah Abu Samah berkata, berdasarkan data laman web rasmi agensi itu mendapati fenomena El Nino yang bakal melanda negara dijangka penghujung tahun ini masih dalam keadaan terkawal dan

masih berada pada paras neutral.

"Fenomena El Nino berlaku akibat cuaca panas dan kering berterusan seperti yang diramal pada Jun hingga Ogos depan.

"Malah, **Jabatan Meteorologi Malaysia** meramalkan keadaan cuaca panas dengan suhu tertinggi 36 darjah Celsius sepanjang bulan ini berikutan musim peralihan monsun hingga boleh me-

nyebabkan krisis air di Lembah Klang," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Katanya, ENSO dibahagikan kepada dua iaitu kuat dan lemah yang mana boleh memberi impak kepada perubahan cuaca di negara ini.

"Jika ENSO lemah, ia tidak akan memberi kesan kepada perubahan cuaca, bagaimanapun jika kuat berkemungkinan El Nino terburuk dalam sejarah seperti pada 1997

akan berulang iaitu keadaan kemarau dan cuaca jerebu yang teruk melanda," katanya.

Sementara itu, jurucakap **Jabatan Meteorologi Malaysia** berkata, bacaan suhu yang paling tinggi di seluruh negara yang direkodkan semalam iaitu 35 darjah Celsius masing-masing di Temerloh, Pahang; Mersing, Johor; Kuala Krai, Kelantan dan Subang, Selangor.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 09
TARIKH: 12 JUN 2014 (KHAMIS)

Cuaca 'baik' pada bulan puasa

KUALA LUMPUR 11 Jun - Umat Islam di negara ini dijangka tidak berdepan dengan masalah cuaca panas terik atau peningkatan suhu melampau dalam bulan Ramadan yang bakal disambut pada penghujung bulan ini.

Pengarah Pusat Cuaca Nasional, Zahari Abdullah berkata, setakat ini cuaca masih berada dalam keadaan normal dengan purata suhu persekitaran antara 33 hingga 34 darjah Celcius dan hanya boleh meningkat sehingga 36 darjah Celcius sahaja.

"Jabatan Meteorologi tidak meramalkan sebarang perubahan cuaca luar biasa meskipun keadaan suhu pada masa kini menunjukkan sedikit peningkatan namun itu adalah akibat kekurangan taburan hujan sejak beberapa hari ini.

"Walaupun menurut model cuaca dunia, 70 peratus meramalkan fenomena El Nino akan berlaku tetapi pada masa kini

keadaan panas yang dihadapi bukan berpunca daripadanya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Di Madinah, penduduk Arab Saudi yang menetap di beberapa kawasan bakal menjalani ibadah puasa tahun ini selama 15 jam pada suhu paling panas melebihi 50 darjah Celcius ekoeran tekanan udara rendah di Semenanjung Arab dan cuaca panas yang melanda negara-negara Asia Barat.

Sementara itu, Zahari menasihatkan masyarakat supaya mengamalkan kaedah penjagaan ketika menghadapi cuaca panas bagi mengelakkan kesan terhadap kesihatan.

"Memandangkan cuaca agak panas ketika ini, orang ramai dinasihatkan kurang melakukan aktiviti di luar, banyak meminum air masak dan tidak melakukan sebarang pembakaran terbuka," jelasnya.

INFO

TIP PENJAGAAN KESIHATAN SEMASA CUACA PANAS

- Minum dengan banyak. Jangan tunggu hingga dahaga.
- Minum minuman isotonik untuk menggantikan garam dan mineral yang hilang semasa berpeluh.
- Berada di dalam rumah atau bangunan
- Hadkan aktiviti luar
- Berehat dengan kerap
- Mandi atau buka kipas angin untuk menyejukkan badan
- Pakai pakaian yang ringan, berwarna-terang dan longgar.
- Pakai topi atau payung yang besar
- Jangan minum minuman berkafein, alkohol atau kandungan gula yang tinggi.
- Elakkan bersenam dalam cuaca panas

Sumber: MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 32
TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)



Stesen pam biogas di Pulau Carey untuk kenderaan.



Pekan Güssing melakukan transformasi penggunaan tenaga diperbaharui.



Loji penapisan bahan kelapa sawit untuk diadikan biogas di KRS East, Pulau Carey.

Permintaan biogas di Malaysia masih rendah

Produk dikategori hijau jadi keutamaan bagi masyarakat Eropah

Kira-kira 20 tahun lalu, pekan Güssing yang terletak 130 kilometer dari Vienna, ibu negara Austria mula melakukan transformasi dengan memperkenalkan penggunaan tenaga diperbaharui daripada pelbagai sumber.

Ini berikutan kadar bil elektrik yang tinggi terpaksa ditanggung penduduk dan pihak perbandaran. Hari ini, dengan bangganya pekan yang dulunya dikategorikan sebagai pekan mati, mula menerima pengunjung dan pelabur selepas lebih 50 syarikat berjaya mewujudkan ribuan peluang pekerjaan dalam bidang tenaga diperbaharui.

Güssing pekan pertama jana tenaga diperbaharui

Bloomberg News melaporkan, Güssing sebagai pekan pertama dalam Kesatuan Eropah berjaya mengurangkan pengeluaran karbon sebanyak 90 peratus, dengan menjana tenaga diperbaharui daripada solar, habuk kayu, jagung dan minyak masak.

Pada tahun 2007, Güssing menjana 22 megawatt sejam setahun termasuk lapan megawatt lebihan yang dijual kepada grid nasional.

Güssing mula membina loji tenaga diperbaharui pada tahun

1992 dengan memulakan dengan sumber kayu yang mampu memberikan tenaga kepada 27 rumah. Langkah kedua adalah membina kemudahan stesen gas dari tenaga diperbaharui untuk kegunaan kenderaan. Menjelang tahun 1996, pekan itu mula menjana elektrik dan memperluaskan sistem pemanasan ke seluruh pekan.

Pekan Güssing mampu menjadi pekan yang bergantung sepenuhnya dengan tenaga diperbaharui kerana ada permintaan terutama dalam kalangan penduduknya yang mahukan kehidupan lebih hijau dan sayangkan alam sekitar.

Di negara ini, keadaan yang sama tidak mustahil boleh direalisasikan jika ada kesedaran tinggi dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan penggunaan tenaga diperbaharui terutama dalam memulihara alam sekitar.

Ketua Pegawai Operasi, Perbadanan Bioteknologi Malaysia (Bio-techCorp) Razwin Sulairee Hassan Termizi, berkata kurangnya permintaan menyebabkan pihak industri tidak berasakan bidang tenaga diperbaharui sesuatu bidang yang mampu memberi keuntungan lumayan.

"Kita ada bahan mentah, teknologi, sasaran, pihak berkuasa

dan agensi yang menawarkan pelbagai kemudahan dan insentif untuk tenaga diperbaharui ini dan ia hanya perlu dihubungkan saja," katanya ketika ditemui pada Forum Biogas Asia Pasifik kali ke-3, di ibu negara, baru-baru ini.

Permintaan biogas dalam kalangan pengguna Malaysia amat rendah berbanding di negara maju lain seperti Eropah dan Jepun. Di Eropah, misalnya, produk yang dikategorikan hijau lebih mendapat tempat dalam kalangan pengguna.

Masyarakat negara maju utama pemuliharaan alam

Selain itu, masyarakat negara maju lebih mementingkan pemuliharaan alam sekitar dan pengurangan kebergantungan terhadap bahan bakar fosil yang menyumbang kepada peningkatan pelepasan gas rumah hijau ke atmosfera.

"Kita harap generasi akan datang lebih mementingkan produk dalam kategori hijau kerana sejak peringkat sekolah mereka sudah didedahkan dengan kepentingan menjaga dan memulihara alam sekitar.

"Seperti penggunaan plastik, pada awalnya Hari Tiada Plastik diperkenalkan setiap Sabtu ham-

pir lima tahun lalu, orang ramai merungut kerana terpaksa membawa beg hijau dari rumah masing-masing.

"Lama-kelamaan, masyarakat sudah boleh menerima keadaan ini dan mereka menggunakan beg hijau, ini juga tidak mustahil bagi bidang tenaga diperbaharui," katanya.

Ketika ini, katanya industri biogas negara banyak tertumpu kepada kelapa sawit kerana industri itu mampu membekalkan bahan mentah yang berpanjangan.

Sehingga kini, hanya 20 daripada 429 kilang kelapa sawit di negara ini yang membina prasarana bagi penghasilan biogas dan kebanyakannya terletak berdekatan dengan grid. Bagaimanapun, ia masih jauh daripada sasaran ditetapkan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA).

Negara jiran, Thailand, misalnya, amat agresif dalam membangunkan prasarana biogas bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber bahan api fosil selain mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Kini, negara Gajah Putih itu mempunyai lebih 100 kilang yang memproses biogas dari pelbagai sumber termasuk sisa ubi kayu.

Mengulas mengenai cabaran



Razwin Sulairee



Sivapalan Kathiravale

dan kekangan dihadapi pihak industri terutama pemilik ladang kelapa sawit, Razwin Sulairee berkata, kos tinggi untuk membina prasarana pemrosesan biogas terutama di kilang yang terletak yang terlalu jauh dengan grid.

Jika semua ladang kelapa sawit Malaysia memberi komitmen tinggi dalam menghasilkan biogas dari sisa kilang kelapa sawit, negara mampu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau yang dikeluarkan

SAMBUNGAN...
BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 33
TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)



**MONA
AHMAD**

mona@bh.com.my

industri sama sehingga 50 peratus.

**Industri kelapa sawit
bidang sudah matang**

"Industri kelapa sawit adalah bidang yang sudah matang. Justeru, tiada timbul masalah untuk pengusaha menceburi bidang tenaga diperbaharui kerana bekalan berpanjangan," katanya.

Sementara itu, Penganalisis Kanan, Bahagian Teknologi Baru, Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MIG-HT), Sivapalan Kathiravale, dalam kertas kerja bertajuk Peluang Kerjasama Dalam Biogas turut menegur syarikat yang membawa teknologi asing ke negara ini tanpa melakukan sebarang penyelidikan mengenai keadaan dan suasana tempatan.

"Masalah yang sering timbul apabila pihak asing membawa masuk teknologi yang mungkin mampu menjana pendapatan lumayan di negara ia dibangunkan tetapi sebaliknya di negara ini berikutan tidak sesuai dengan cuaca dan bahan yang digunakan," katanya.

Misalnya, mungkin teknologi dibawa masuk itu sesuai digunakan untuk menghasilkan biogas dari sumber mentah seperti sisa jagung dan apabila digunakan untuk sisa kelapa sawit ia tidak boleh menandingi tahap penghasilan biogas yang dihasilkan sisa jagung.

Justeru, katanya, pihak yang terbabit wajar menjalankan penyelidikan terlebih dulu dengan mengambil kira suasana tempatan sebelum membawa masuk teknologi yang bakal dijual kepada pengusaha di negara ini.

El Nino, a game changer for water?

DRY DAYS: Nation's water resources must be managed in an integrated manner to cope with phenomenon

WE have just gone through a brief encounter with a water-stress situation that left most people complaining and sweating.

Now, we are told of another possible bout of water shortage, with the coming of the infamous El Niño. According to weather experts, the global weather phenomenon should rear its ugly head again around next month. This time, it may last up to three months.

The prediction is that the drought it brings may be worse than the recent drought encounter we had.

Fellows at the Academy of Sciences Malaysia, who specialise in water, are again raising the issue of the nation not pursuing a longer-term strategy to manage the country's water resources. More often than not, we have been reactive, rather than proactive.

But, what exactly is El Niño? Why are people so scared of this weather change, which has been happening all the time in its usual cycle? Is it going to be different this time around?

The term El Niño is Spanish for "the Christ child". It was originally used by fishermen along the coasts of Ecuador and Peru to describe a warm ocean current that typically appears around Christmas and lasts for several months.

But, this time, it will be unleashed before Christmas. Fish are

less abundant then. So, fishermen often take a break to repair their equipment and spend time with their families.

Not much different from the fishing community in Kelantan and Terengganu during the northeast monsoon season.

In some years, however, the water is especially warm and the break in the fishing season persists longer.

In the past 40 years, nine El Niño have affected the South American Pacific Coast. The usual weaker ones raised sea temperatures by only one to two degrees Fahrenheit. They had only minor impacts on South American fisheries.

But the stronger ones, like the El Niño of 1982-83, left an imprint not only upon the local weather and marine life, but also on climatic conditions around the globe.

That is what happens during El Niño in the countries of the Pacific Coast in Latin America.

On our side of the world, the opposite happens. Instead of more rain, we have dry periods. For example, the severe El Niño of 1983 gave rise to the heatwave that led to unusually extensive bushfires in Australia.

In Malaysia, people in the oil palm industry have become all too familiar with El Niño. In 1983, the severe drought led to a drastic decline in oil palm yields.

But, the good side was that it also



The dry soil at Los Laureles Dam in south Tegucigalpa, Honduras. Scientists predict more extreme El Niño, which happens when the eastern equatorial Pacific Ocean's surface exceeds 28°C, in coming years. AFP pic



Dr Ahmad Ibrahim is fellow of the Academy of Sciences Malaysia

led to a firming up of the price of oil palm. There is now serious thinking among the oil palm fraternity to explore the use of irrigation as standard practice in oil palm cultivation.

This has become urgent, considering the belief that the frequency of El Niño is likely to double as the planet warms. This has been corroborated with new evidence developed by an international team of scientists. They have published their findings in the journal, *Nature Climate Change*.

The prediction is scary. There will be more frequent and extreme El Niño in the coming years.

Extreme El Niño occurs when ocean surface temperatures exceed 28°C in the dry eastern equatorial Pacific Ocean. The impact on the

world can be extensive.

The 1997-98 event alone caused US\$35 billion to US\$45 billion (RM112 billion to RM144 billion) in damages and claimed an estimated 23,000 human lives worldwide.

In Malaysia, though, oil palm price may increase, but the net impact is a substantial loss of revenue because of production shortfall. The country cannot afford any serious shortfall in revenue, especially to oil palm smallholders, who make up a sizable proportion of oil palm planters in the country.

Their contribution to the economy, especially in the rural areas, is substantial. We can no longer deny the urgency of sprucing up the country's water management strategy.

Over the years, the academy has submitted a number of advisory reports on water to the government. In a nutshell, the recommendations that have been put forward can be summarised in a few key steps:

FIRST, manage water resources in an integrated manner;

SECOND, minimise wastage by effectively managing demand;

THIRD, reduce contamination by minimising preventable water pollution;

FOURTH, diversify sources of water; and

FIFTH, invest in research and development to develop technologies that can reduce the cost of supplying water.

El Niño, then, will be of less consequence to water.

Program dirangka tarik minat pelajar pilih aliran STEM

Bangi: Kementerian Pendidikan akan melaksanakan pelbagai program di peringkat akar umbi bagi meningkatkan kesedaran dan menarik minat pelajar mengikuti pembelajaran dan pengajaran dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di seluruh negara.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata langkah itu selari dengan pengisian Pelan Hala Tuju Modal Insan Sains dan Teknologi 2020 yang menyasarkan 60 peratus pelajar memilih aliran sains di sekolah seluruh negara menjelang 2020.



Ketika ini, katanya, nisbah peratusan pelajar yang memilih aliran sains dan sastera ialah 37:63.

Laksana pelbagai program

"Kita bekerjasama dengan beberapa universiti tempatan dan Akademi Sains Negara serta Akademi Sains New York di Amerika Syarikat bagi melaksanakan pelbagai program yang dapat menarik minat pelajar memilih aliran STEM.

"Kerajaan mahu nisbah peratusan bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran STEM dan Sastera menjadi 60:40 menjelang 2020," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menyaksikan majlis penyerahan dua cek tajaan bernilai

RM444,500 oleh ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc (ExxonMobil) bagi menaja pelajar Malaysia yang akan menyertai International Mathematical Olympiad (IMO) 2014 dan Cabaran Sains Negara - Piala Perdana Menteri 2014 di Pusat Permata Pintar Negara di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Usaha tingkat minat pelajar

Idris berkata, ibu bapa dan guru perlu menjadikan pembelajaran sains sebagai menyeronokkan bagi memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran STEM.

"Kita perlu berusaha meningkatkan minat pelajar terhadap bidang sains kerana mungkin mereka belum melihat manfaat jangka panjang.

"Minat mereka mungkin meningkat jika kita memperbanyakkan rancangan bercorak sains di televisyen dan peringkat daerah di seluruh negara," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 09
TARIKH: 12 JUN 2014 (KHAMIS)

**ExxonMobil
terus sokong
sains,
matematik**

KUALA LUMPUR 11 Jun - Syarikat cari gali dan pengeluaran minyak, ExxonMobil akan terus memberikan sokongan terhadap program pembangunan pendidikan sains dan matematik di negara ini dan yang terbaru menaja Cabaran Sains Kebangsaan (NSC) anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM) dan pertandingan International Mathematics Olympiad (IMO) bagi pelajar sekolah.

Presiden Subsidiari-subsidiari ExxonMobil di Malaysia, See Kok Yew berkata, syarikat tersebut telah memberikan sumbangan sebanyak RM334,500 kepada ASM bagi menganjurkan program tahunan itu yang mendapat pengiktirafan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pendidikan.

ExxonMobil juga telah menyumbang sebanyak RM110,000 kepada Pusat PERMATApintar Negara (PPpN), sekretariat yang bertanggungjawab memilih pelajar untuk menyertai kontinjen Malaysia ke IMO yang diadakan setiap tahun di negara yang berbeza dan tahun ini diadakan di Cape Town, Afrika Selatan, dari 3 hingga 13 Julai 2014.

Sumbangan itu merupakan yang terbesar dilakukan oleh ExxonMobil setakat ini untuk program pendidikan sains dan matematik di Malaysia.

"Sebagai sebuah syarikat berasaskan teknologi, ExxonMobil percaya bahawa sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) membentuk batu asas kemajuan sosioekonomi mana-mana negara," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.



Pendedahan Untuk Tarik Minat Pelajar Pada Stem Akan Digiatkan - Idris Jusoh

BANGI, 11 Jun (Bernama) -- Program pendedahan kepentingan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) akan digiatkan di peringkat daerah, negeri dan nasional bagi menarik lebih ramai pelajar memilih aliran itu, kata Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh.

"Subjek STEM merupakan satu fokus kerajaan untuk membekalkan kepada pelajar ilmu untuk bersaing dalam dunia K-Ekonomi (ekonomi berasaskan pengetahuan) ini. Ia perlu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penyampaian Cek kepada Kontinjen Malaysia ke pertandingan "International Mathematical Olympiad 2014", di sini Rabu.

Selain kerajaan, katanya, ibu bapa, pihak sekolah, badan kerajaan dan bukan kerajaan(NGO) perlu turut memainkan peranan masing-masing bagi membantu mencapai sasaran Dasar Sains Teknikal dan Sastera pada nisbah 60:40 menjelang 2020.

"Usaha-usaha sedang dilaksanakan termasuk untuk membudayakan sains dalam kehidupan anak-anak kita. Kita mahu kerjasama semua pihak untuk merealisasikan harapan itu.

Mungkin pelajar belum nampak bagaimana sains boleh membantu mereka. Jadi kita perlu meningkatkan minat pelajar dalam bidang sains dengan pelbagai program dan aktiviti," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini, hanya 37 peratus pelajar di seluruh negara memilih aliran sains.

Dalam pada itu, beliau turut memuji syarikat ExxonMobil Malaysia yang telah menyumbangkan lebih RM1.5 juta sejak 2010 bagi program-program STEM, termasuk RM444,500 bagi meningkatkan minat pelajar terhadap Sains dan Matematik, RM334,500 bagi menjayakan program tahunan Cabaran Sains Nasional dan RM110,000 untuk Kontinjen Malaysia menyertai International Mathematical Olympiad.

Hadir sama ialah Pengerusi dan Presiden Subsidiari-subsidiari ExxonMobile Malaysia See Kok Yew, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia Prof. Datuk Dr Noor Azlan Ghazali dan [Presiden Akademi Sains Malaysia Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.](#)

-- BERNAMA



Fokus Pada Sains Untuk Bantu M'sia Capai Status Negara Maju - Mahathir

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa lebih ramai rakyat Malaysia memberi tumpuan pada bidang sains untuk membolehkan hasrat Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020 dapat dicapai.

Beliau berkata selain memberi tumpuan terhadap matlamat menjadi negara berpendapatan tinggi, pencapaian dalam bidang sains juga akan menentukan sama ada negara berada pada landasan betul untuk menjadi negara maju.

"Malaysia mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian sekiranya kita berterusan memberi tumpuan kepada bidang sains untuk kehidupan lebih baik.

"Apabila memperkatakan tentang sains, saya fikir adalah penting bagi mata pelajaran (sains) dipelajari dalam bahasa Inggeris, jika kita mahu mengikuti perkembangan terkini hasil dapatan kajian di seluruh dunia," katanya pada majlis Anugerah Sains Mahathir 2013 di sini malam ini.

Penerima anugerah itu, Profesor Alan Cowman, saintis dari Australia menerima US\$100,000 (RM321,184), pingat emas dan sijil bagi penyelidikan penting berkaitan malaria.

Sumbangan Cowman itu telah membawa kepada pengenalpastian sasaran lebih baik bagi pembangunan ubat baharu terhadap jangkitan malaria, dan mempercepatkan usaha untuk menyelesaikan satu daripada masalah kesihatan di kawasan tropika.

Penyelidikan beliau telah membuka laluan untuk membangunkan vaksin khusus bagi jangkitan malaria yang terus menjadi punca kematian jutaan orang di Afrika dan Asia.

Turut hadir isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Pengerusi Yayasan Anugerah Sains Mahathir Tan Sri Samsudin Osman dan [Presiden Akademi Sains Malaysia Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali](#).

-- BERNAMA



Parlimen: SOP Diwujudkan Untuk Pastikan Kualiti Netbook 1Malaysia - Kamalanathan

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Kementerian Pendidikan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menggariskan beberapa prosedur operasi standard (SOP) bagi memastikan jaminan kualiti Netbook 1Malaysia yang diedarkan kepada golongan sasaran.

Timbalan Menteri Pendidikan P Kamalanathan berkata di Dewan Rakyat hari ini, SOP yang diwujudkan itu merangkumi perkara-perkara yang perlu dipatuhi termasuk aspek penyelenggaraan sebelum dan selepas pengagihan Netbook 1Malaysia dibuat.

"Antara langkah yang dilaksanakan adalah semua netbook yang dibekalkan mempunyai label [Sirim](#), melaksanakan pemeriksaan kualiti dengan mengambil lima sampel netbook bagi setiap penghantaran yang diterima serta memastikan netbook yang dibekalkan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan," katanya.

Beliau menjawab soalan Mohamad Imran Abdul Hamid (PKR-Lumut) mengenai kualiti Netbook 1Malaysia yang didakwa kerap rosak serta tidak boleh dibaiki, pada persidangan Dewan Rakyat di sini Rabu.

Kamalanathan berkata pemeriksaan kualiti yang dijalankan turut melibatkan pematuhan spesifikasi, pengoperasian perkakasan dan perisian.

"Netbook yang dibekalkan diberi jaminan selama setahun dan jika terdapat kerosakan, penerima hanya perlu menghantar kepada pusat servis yang telah dilantik pembekal dan pembaikan adalah percuma," jelasnya.

Mengenai punca kerosakan netbook itu pula, Kamalanathan berkata ia boleh disebabkan oleh cara penggunaan dan kerosakan komponen komputer riba itu sendiri.

"Antara langkah yang diambil untuk menangani masalah kerosakan netbook adalah memastikan pembekal mempunyai perkakas ganti yang mencukupi dan membuat penukaran sekiranya kerosakan disebabkan kecacatan dari kilang yang dikesan semasa pengagihan.

"Kami juga memberikan panduan kepada penerima berkenaan penggunaan netbook secara bijak seperti memastikan antivirus semasa dikemas kini dan memadam fail berkenaan perisian operasi," tambahnya.

-- BERNAMA